

Diaclean Pera Sterilant Covid-19 masa 30 saat



Dr. Zularisam Ab. Wahid (kiri) menunjukkan bahan disinfektan Diaclean Pera Sterilant.

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA | 28 Ogos 2020, 9:39 am

KUANTAN: Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan bahan disinfektan tahap tinggi (HDL) iaitu *Diaclean Pera Sterilant*, mampu membunuh virus Covid-19 bawaan manusia hanya dalam 30 saat.

Ia mengandungi bahan aktif *peracetic acid* daripada cuka makanan yang mampu membunuh 99.99 peratus mikroorganisma seperti bakteria, virus, fungi dan protozoa.

Profesor Datuk Dr. Zularisam Ab. Wahid yang mengetuai penyelidikan itu dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA) UMP berkata, produk disinfektan itu telah diuji keberkesanannya oleh makmal antarabangsa Viroxy Lab di Kuala Lumpur.

Produk itu katanya, diuji keberkesanannya sebagai anti microbial melalui ujian invitro di Makmal Bioerasi Klinikal Healthmedic Research Sdn. Bhd. dan invivo biocompatibility Test di Makmal Bioerasi Center for Research and Instrumentation Management (CRIM) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

“Produk inovasi ini bukan sahaja bersifat organik dan food grade malah ia sangat mesra pengguna, tidak bersifat toksik, tidak mudah terbakar dan tidak mendatangkan kesan negatif terhadap permukaan bahan yang dinyah cemar.

“*Pera Sterilant* bersifat mesra alam dan akan terurai semula dalam bentuk gas oksigen, cuka makanan dan air semula selepas lapan jam digunakan. Peracetic Acid merupakan salah satu disinfektan yang disenarai berkesan ke atas pandemik Covid-19 oleh pihak Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (AS),” katanya dalam kenyataan semalam. Sementara itu ketika dihubungi Zularisam berkata, bahan itu bukan seperti cecair pembasmi kuman atau hand sanitizer, tetapi produk berkenaan lebih kepada menyahkuman atau sanitasi di kawasan penularan wabak.

“Tiada masalah jika ia terkena pada kulit manusia tetapi penggunaan produk ini tidak seperti hand sanitizer,” katanya.

Beliau berkata, bahan nyah kuman itu juga bebas alkohol dan bebas aldehyde.

Jelasnya, produk itu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP), Kementerian Kesihatan sebagai medical device disinfectant dan mendapat Pensijilan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). –
UTUSAN ONLINE